



KENYATAAN MEDIA

SOP PEMBUKAAN SEMULA EKONOMI DI PERINGKAT NEGERI PERLIS

Mesyuarat Jawatankuasa Khas Keselamatan Negeri (JKKN) yang diadakan pada hari ini bersamaan 5 Mei 2020 (Selasa) telah meneliti Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) serta SOP Pembukaan Semula Ekonomi yang telah diumumkan pada 1 Mei 2020. Dalam hubungan ini, mesyuarat telah bersetuju dengan arahan-arahan di dalam SOP tersebut dan membuat beberapa penambahbaikan yang bersesuaian dengan keperluan di Negeri Perlis. Penambahbaikan yang telah ditetapkan adalah seperti berikut:

a) Sektor Sukan dan Rekreasi

Pengguna perlu mematuhi sepenuhnya SOP yang telah ditetapkan. Walau bagaimanapun, pembukaan pusat rekreasi akan dibuka secara berperingkat. Pada ketika ini hanya Denai Larian Pangkalan Asam dan Taman Awam Bukit Lagi sahaja dibuka untuk orang awam. Penggunaan peralatan senaman yang sedia ada di lokasi-lokasi berkenaan adalah tidak dibenarkan.

b) Sektor Makanan (Perniagaan Berpremis)

Pembukaan premis perlu mengikut SOP yang ditetapkan dengan waktu operasi ditetapkan mulai jam 8:00 pagi hingga 10:00 malam. Peniaga digalakkan untuk melaksanakan penjualan secara bungkus / pandu lalu sekiranya tidak dapat memenuhi SOP berkaitan *dine-in* (makan di premis).

c) Sektor Kebersihan

Aktiviti pemotongan rumput jalan dan pokok dibenarkan pelaksanaannya berdasarkan kepada SOP sedia ada yang telah ditetapkan kerajaan di bawah sektor kebersihan.

SOP Pembukaan Semula Ekonomi boleh didapati di laman web rasmi Majlis Keselamatan Negara (MKN) <https://www.mkn.gov.my/web/wp-content/uploads/sites/3/2019/08/00-Introduction.pdf>.

Semua kenyataan rasmi Kerajaan Negeri Perlis hanya dipaparkan di portal rasmi Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis untuk rujukan awam (www.perlis.gov.my).

Kerajaan Negeri Perlis

Kangar

5 MEI 2020